

27 AUG 2001

MAHATHIR-PENSWASTAAN

KERAJAAN TIDAK AKAN LEPAS TANGAN FIRMA-FIRMA YANG DISWASTAKAN

PETALING JAYA, 27 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan bahawa kerajaan tidak akan membiarkan ataupun lepas tangan dalam hal ehwal syarikat-syarikat yang telah diswastakan.

Kerajaan masih berkeyakinan penuh terhadap penswastaan meskipun mengalami beberapa kegagalan, katanya kepada persidangan nasional mengenai Dasar Wawasan Negara, Pelan Malaysia Kelapan dan Penswastaan di sini hari ini. Persidangan itu dianjurkan oleh Institut Strategik dan Kepimpinan Asia (ASLI).

Dengan mengambil iktibar daripada kegagalan itu, beliau berkata kerajaan akan lebih berhati-hati kali ini.

Dr Mahathir berkata kerajaan juga tidak akan menarik balik sasaran tujuh peratus bagi purata tahunan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) untuk mencapai Wawasan 2020 dan akan mencari ikhtiar bagi menangani sebarang masalah yang timbul sepanjang tempoh ke arah matlamat itu.

Beliau mendedahkan bahawa pakej ransangan fiskal tambahan sebanyak RM3.0 bilion tidak digunakan dengan sepenuhnya kerana setakat ini hanya RM200 juta telah dibelanjakan.

Beliau menjangkakan lebih banyak usaha akan dilaksanakan untuk mengatasi masalah ini.

Bagi usaha menembusi pasaran baru, Dr Mahathir menyelar pihak-pihak tertentu yang menggunakan negara-negara lain sebagai perantaraan bagi usaha-usaha eksport mereka.

Banyak pasaran baru tidak dieksploitasikan dengan baik kerana kurangnya usaha pamasaran yang agresif, katanya.

Sikap malas seumpama itu perlu dibuang dengan segera, tegasnya.

Menurut Dr Mahathir, Penswastaan lebuhraya bertol hanya boleh dilaksanakan selepas rakyat diberi peluang untuk meluahkan pandangan mereka.

Perdana Menteri berkata terdapat bantahan kepada penswastaan universiti dan hospital kerana rakyat mahu terus menikmati faedah subsidi yang dibayar oleh kerajaan bagi menubuhkan operasi institusi milik kerajaan seperti itu.

Beliau berkata apabila ubatan percuma dan subsidi pendidikan universiti disediakan, kos kepada kerajaan adalah rendah.

Sebagai contoh, pada awal 1900, satu campuran botol ubat batuk berharga dua sen tetapi hari ini, kapsul antibiotik berharga RM10 setiap satu manakala kos pembedahan menelan kos berpuluh ribu ringgit bagi satu pembedahan.

Kos pendidikan universiti juga meningkat dengan ketara dan mustahil untuk menaikkan gaji kakitangan yang mengajar tanpa menarik permintaan yang sama daripada pekerja kerajaan (sektor awam) lain.

Beliau berkata kerajaan mahu menawarkan layanan perubatan percuma kepada kakitangan awam dan golongan miskin.

"Tetapi ramai yang mampu membayar rawatan perubatan mereka. Begitu juga, yuran universiti seharusnya dibayar oleh orang yang mampu membayarnya," katanya.

Beliau berkata kerajaan tidak mahu mengabaikan tanggungjawabnya kepada rakyat tetapi melainkan hospital dan universiti diswastakan, tiada jalan bagi kerajaan untuk mengekalkan perkhidmatan kakitangan perubatan dan tenaga pengajar bagi skala gaji sedia ada kakitangan kerajaan.

Oleh kerana kerajaan tidak boleh menaikkan skala gaji kumpulan tersebut tanpa mencetuskan permintaan bagi bayaran tinggi oleh hampir satu juta

kakitangan sektor awam, dijangkakan hospital moden baru dan universiti yang sedang dibina ketika ini kelak tidak akan mempunyai doktor dan kakitangan mengajar yang mencukupi.

"Ini adalah dilema yang dihadapi oleh kerajaan. Malahan negara-negara maju dengan skim kesihatan nasional memaksa rakyatnya memberi sumbangan kepada skim seumpama itu. Malaysia bukan sebuah negara maju, oleh itu perubatan adalah percuma atau hanya mengenalan bayaran yang kecil," katanya.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata penswastaan memberi sumbangan besar kepada pembangunan pesat ekonomi Malaysia.

Jika kerajaan membina prasarana yang diperlukan hanya menggunakan peruntukan dana-awam, kemudahan seperti itu tidak akan tersedia seperti apa yang ada sekarang.

"Memanglah, kerajaan boleh meminjam dana yang diperlukan tetapi ia tidak boleh meminjam di luar daripada keupayaannya untuk membayar balik," katanya, sambil menambah tanpa penswastaan, rangkaian lebuh raya Malaysia, pelabuhan, loji kuasa dan kemudahan telekomunikasi tidak akan dapat dibina langsung.

Untuk menjelaskan lebih lanjut pandangannya mengenai penswastaan, Dr Mahathir berkata proses itu adalah percanggahan kepada pemiliknegeraan dan kerajaan-kerajaan seluruh dunia mengambil masa berabad-abad lamanya untuk menyedari bahawa pemiliknegeraan sebenarnya hanya membawa kepada ketidakcekapan, kos yang tinggi dan dan kehilangan dana dan peluang-peluang.

Seperti pemiliknegeraan, penswastaan juga mempunyai kelemahannya sendiri.

Sekiranya diuruskan dengan berhati-hati, penswastaan boleh berjaya tetapi ia juga mungkin boleh menemui kegagalan jika pihak-pihak yang terlibat tidak cekap atau berdepan dengan kegawatan ekonomi seperti yang boleh membawa kepada penurunan nilai matawang yang melemahkan operasi perniagaan.

Seperti syarikat lain, syarikat yang diswastakan juga boleh gagal dan dalam tempoh kegawatan ekonomi 1997-1999 baru-baru ini banyak syarikat yang diswastakan menemui kegagalan. -- BERNAMA

SHO SHY SEL ZK